

BAB EMPAT

BAB IV

AMALAN KESAKSIAN WANITA DALAM UNDANG-UNDANG

KETERANGAN: Kajian Kes di Mahkamah Syariah dan Sivil di Kota Bharu

Pendahuluan

Kajian Bab Empat ini dibuat berdasarkan undang-undang keterangan yang dikanun dan diamalkan di Malaysia. Secara umumnya Malaysia mengamalkan dua sistem kehakiman yang berbeza iaitu Kehakiman Sivil dan Kehakiman Syariah. Setiap institusi kehakiman mempunyai autoritinya sendiri, mahkamah sendiri berdiri di atas asas dan prinsip yang amat kontradiksi antara satu sama lain. Kehakiman Sivil mempunyai kaedah keterangannya yang tersendiri sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Keterangan 1950. Ia diamalkan di mahkamah-mahkamah sivil di seluruh negara. Manakala Kehakiman Islam diperuntukkan acara keterangan berasaskan Hukum Syarak yang diserahkan kuasa menggubalnya menurut negeri-negeri. Perlaksanaannya diasingkan melalui sistem mahkamah yang berbeza iaitu Mahkamah Syariah. Justeru wujudnya dua sistem kehakiman di Malaysia ini, maka penulis merasa perlu menyelidiki serta membandingkan kedua-dua bentuk amalan kesaksian wanita di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah berdasarkan akta keterangan masing-masing. Kajian ditumpukan di kawasan Kota Bharu sahaja. Fenomena amalan kesaksian wanita di antara dua sistem yang berbeza ini memperlihatkan wujudnya perbezaan penerimaan kesaksian wanita di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Bersesuaian dengan konsep Islam ‘*Ya’lū walā yu’lā ’alayhi*’ iaitu sistem hidup tertinggi serta tiada yang mengatasinya, maka objektif utama kajian amalan ini bagi mengenal pasti sejauh mana ia diselaraskan dengan kehendak Allah S.W.T sebagai pemerintah mutlak alam ini. Seterusnya melihat keberkesanan daripada amalan yang direalisasikan.

A. Peruntukan Kesaksian Wanita Dalam Enakmen Keterangan Islam Dan Amalannya Di Mahkamah Syariah Kota Bharu.

1. Mahkamah Syariah

Berbeza dengan Kehakiman Sivil, Perlembagaan Persekutuan tidak mewujudkan satu peruntukan tentang penubuhan Mahkamah Syariah. Kuasa menubuhkan Mahkamah Syariah terkandung di dalam peruntukan kepada negeri-negeri untuk mentadbir Undang-undang Islam khasnya undang-undang diri (*Personal Law*), keanggotaan, penyusunan dan acara bagi Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa hanya ke atas penganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam Senarai Kedua iaitu mal serta tidak mempunyai bidang kuasa mengenai jenayah kecuali setakat yang diberi oleh Undang-undang Persekutuan.¹

Peruntukan tersebut telah dikuatkuasakan melalui Enakmen Pentadbiran Islam negeri-negeri di Malaysia. Enakmen-enakmen tersebut membataskan bidangkuasa Mahkamah Syariah kepada:

- a) Orang-orang Islam sahaja.
- b) Dalam tiga ikhtisas sahaja iaitu undang-undang keluarga, perwarisan dan beberapa kesalahan metrimonial dan kesalahan-kesalahan takzir.²

¹ Ahmad Ibrahim et.al (1999), *Perkembangan Undang-undang Perlembagaan Persekutuan*, Kuala Lumpur: DBP, h. 201. Perlembagaan Persekutuan, Perkara 4 subseksyen 1 dan Jadual Kesembilan Senarai II- Senarai Negeri.

² Ahmad Ibrahim et.al (1999), *op.cit.*, h. 209.

Pada asalnya, Mahkamah Syariah tidak berpusat di bawah satu Pentadbiran Perdana kerana kuasanya diserahkan kepada negeri-negeri untuk menggubal undang-undang yang berkaitan dengan agama Islam serta melaksanakannya. Ini menyebabkan wujud ketidak-selaras antara sistem perundangan Islam yang digubal walaupun sumbernya sama iaitu al-Quran, hadis, konsensus (ijmak ulama) dan kias. Walaupun kebanyakan ketidakselarasan wujud dari segi teknikal sahaja namun ia dapat mengelirukan para pengamal undang-undang dan orang awam yang tidak mendalamti sistem perundangan dan kehakiman Islam.

Pada tahun 1998, Mahkamah Syariah Negeri-negeri mula diselaraskan di bawah satu Pentadbiran kerajaan pusat kecuali Wilayah Persekutuan yang mana Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ditubuhkan bagi merealisasikan penyeragaman sistem perundangan Islam demi menegakkan keadilan. Piagam Pelanggan JKSM juga berkehendakkan penyeragaman undang-undang Islam yang komprehensif dan sistematik berhubung dengan pentadbiran Mahkamah Syariah dalam tempoh lima tahun daripada penubuhannya.³ Ekoran daripada itu, struktur Mahkamah Syariah bagi semua wilayah dan negeri-negeri di Malaysia telah disusun semula kepada tiga peringkat mahkamah; Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah.⁴

³ Y.A.A Dato' Sheikh Ghazali Abdul Rahman (2002), "Perkembangan Terkini Mahkamah Syariah" (Kertas Kerja ini dibentangkan pada 25hb Ogos 2002 oleh Y.A.A Dato' selaku Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie Malaysia sempena Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Kali ke-4 di Hotel Renaissance, Kota Bahru, Kelantan), h. 4.

⁴ *Ibid.*, h. 2.

Bidangkuasa-bidangkuasa Mahkamah-Mahkamah tersebut juga telah ditetap serta diselaraskan bagi semua negeri. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri pula diketuai oleh seorang Ketua Hakim Syarie.

1.1. Profil Mahkamah Syariah Kota Bharu⁵

Mahkamah Syariah mula ditubuhkan di Negeri Kelantan pada tahun 1060 Hijrah bersamaan 1650 Masehi yang mana pada masa itu ia dinamakan sebagai Mahkamah Qadhi. Undang-undang yang digunakan ketika itu ialah Undang-undang Islam merangkumi hukuman hudud. Hukuman hudud telah dikenakan ke atas pencuri-pencuri yang didapati bersalah di Mahkamah Syariah Kota Bharu di zaman pemerintahan Sultan Mohamed III dari tahun 1890-1891M.

Mulai Julai 1998, Mahkamah Syariah Negeri Kelantan telah ditubuhkan bagi menggantikan Mahkamah Qadhi yang terdiri daripada tiga peringkat mahkamah selaras dengan penyusunan yang dibuat oleh JKSM:⁶

1. Mahkamah Rayuan Syariah: Dipengerusikan oleh Y.A.A Ketua Hakim Syarie.
2. Mahkamah Tinggi Syariah: Diketuai oleh Y.A Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.
3. Mahkamah Rendah Syariah: Diketuai oleh Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

⁵ "Sejarah Penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan", (Bahan rujukan yang disediakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan), h. 1.

⁶ *Ibid.*, h. 4.

Ketiga-tiga peringkat mahkamah di atas hanya terdapat di kawasan Kota Bharu sahaja. Manakala jajahan selain Kota Bharu, hanya diwujudkan Mahkamah Rendah Syariah berdasarkan keperluan iaitu bagi jajahan Pasir Mas/Tumpat, Tanah Merah/Jeli, Pasir Puteh/Bachok, Kuala Krai/Machang dan Gua Musang. Mahkamah Syariah bagi kawasan Kota Bharu berlokasi di Kompleks Balai Islam Lundang, Kota Bharu, Kelantan.

Mahkamah Kota Bharu mempunyai seorang Ketua Hakim Syarie merangkap ketua Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan (JKSNK) bagi menggantikan jawatan Qadhi Besar Kelantan yang telah dihapuskan, dua orang hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan dua orang hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Mahkamah Syariah Negeri telah diletakkan di bawah JKSNK bertujuan memberi sepenuh perhatian di dalam bidang Kehakiman Syariah, serta pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang dan kaedah-kaedah yang berkaitan iaitu:⁷

- a) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah No. 3 Tahun 1982.
- b) Enakmen Kanun Jenayah Syariah No. 2 Tahun 1985.
- c) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002
- d) Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah 2002.
- e) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2002
- f) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2002
- g) Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan No. 4 Tahun 1994. (Berhubung dengan kesalahan-kesalahan)
- h) Kaedah Hukuman Sebat 1987.
- i) Kaedah Peguam Syarie 2000.

⁷ *Ibid.*

1.2. Bidangkuasa Mahkamah Syariah Negeri Kelantan

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, bidangkuasa Mahkamah Syariah Negeri-negeri adalah terhad kerana kuasanya telah dibataskan oleh Perlembagaan Persekutuan.⁸ Begitu juga dengan bidangkuasa Mahkamah Syariah Negeri Kelantan yang terbatas kepada perkara-perkara yang disebutkan oleh Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan Senarai II- Senarai Negeri (1);

Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut ugama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, maskahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan ta’arif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat ugama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian ugama Islam dan khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan, kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu: Zakat Fitrah dan Bait-ul-mal atau hasil ugama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan atau menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut ugama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut ugama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal perkembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut ugama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.

⁸ Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan.

Peruntukan di atas secara nyata telah memperincikan perkara-perkara yang boleh dikendalikan oleh Mahkamah Syariah sekaligus menghadkan sempadan bidangkuasa supaya tidak cuba mengatasi Perlembagaan Persekutuan dalam proses perlaksanaannya.

Secara praktikalnya, bahagian perbicaraan telah dibahagikan mengikut pembahagian peringkat mahkamah:

Mahkamah Rayuan bertindak untuk mendengar rayuan ke atas mana-mana keputusan Mahkamah Tinggi Syariah mengenai jenayah oleh pendakwa atau oleh orang yang telah disabitkan kesalahan dan mendengar rayuan ke atas keputusan Sivil oleh mana-mana orang yang tidak berpuas hati terhadap keputusan itu.⁹

Mahkamah Tinggi Syariah dalam bidangkuasa Mal dan Jenayah membicarakan kes-kes berikut;¹⁰

<u>Mal</u>	<u>Jenayah</u>
1. Harta Sepencarian.	1. Zina
2. Harta Wakaf.	2. Mukaddimah Zina
3. Harta Dom	3. Liwat
4. Harta Pesaka	4. Berkelakuan Sumbang
5. Mengesah Nasab	5. Bersyubhat melakukan Zina
6. Harta Wasiat	6. Hamil Luar Nikah
7. Harta Hibah	7. Melacurkan isteri dan anak
8. Harta Nazar	8. Melacurkan diri
9. Muta'ah	9. Takfir
10. Nafkah Isteri	10. Minum minuman yang memabukkan
11. Mana-mana perkara berhubung dengan perhubungan suami isteri.	11. Mengeluarkan Fatwa
12. Lain-lain perkara yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis.	12. Mengajar Ilmu Salah 13. Mengejek al-Quran 14. Mengeji Ugama Islam

⁹ "Sejarah Penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan", h. 7.

¹⁰ *Ibid.*, Lampiran.

Manakala bidangkuasa **Mahkamah Rendah Syariah** berhak membicarakan keskes berikut:¹¹

<u>Mal</u>	<u>Jenayah</u>
1. Pertunangan	1. Khalwat
2. Perkahwinan	2. Musahakah
3. Perceraian	3. Tak sopan
4. Fasakh	4. Melarikan isteri orang
5. Taklik	5. Melarikan perempuan
6. Menentukan giliran	6. Menjual atau memberi anak
7. Li'an	7. Menjadi Muncikari
8. Eila'	8. Galakan maksiat
9. Nafkah anak	9. Pondan
10. Hadanah (penjagaan anak)	10. Makan dalam bulan Ramadan
11. Tuntutan-tuntutan harta sepencarian, pesaka dan lain-lain di bawah RM50,000	11. Mengeji Pegawai Ugama
12. Lain-lain perkara yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis	12. Engkar perintah mahkamah
13. Bersyubhat dan percubaan	13. Melanggar Titah Perintah al-Sultan
	14. Tidak sembahyang Jumaat
	15. Mengajar tanpa tauliah
	16. Tidak membayar zakat
	17. Bersyubhat dan percubaan

Sekiranya diteliti, bidangkuasa Mahkamah Syariah adalah terhad dalam kes jenayah seperti tiada peruntukan bagi kes bunuh, melukakan, mencuri dan lain-lain sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Hukum Syarak. Manakala sebahagian kes hudud yang tersenarai seperti kesalahan zina, liwat dan sebagainya tidak boleh dijatuhkan hukuman hudud dan qisas kerana Mahkamah terikat dengan Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 Pindaan 1984 yang menetapkan: Hukuman dengan kadar tidak melebihi dari tiga tahun penjara **atau** denda tidak melebihi dari RM5000 **atau** sebatan tidak melebihi dari enam kali **atau** gabungan antara hukuman-hukuman di atas. Justeru Mahkamah Syariah hanya boleh menjatuhkan hukuman takzir sahaja bagi apa juar jenis kesalahan pada kadar tidak melebihi had hukuman di atas.

¹¹ *Ibid.*

2. Profil Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2002¹²

Enakmen ini adalah untuk mentakrifkan undang-undang keterangan bagi Mahkamah Syariah. Pemakaianya didasarkan kepada Hukum Syarak bagi segala prosiding kehakiman di dalam atau di mana-mana Mahkamah Syariah.¹³ "Hukum Syarak" ertinya Undang-Undang Islam dalam mana-mana mazhab yang sah.¹⁴ Ia memberi maksud bahawa enakmen ini tidak terikat kepada pendapat mazhab tertentu sahaja. Bahkan ia boleh dirujuk terus kepada mana-mana pendapat yang mempunyai hujjah yang paling kuat. Peruntukan ini secara tidak langsung membatalkan mana-mana peruntukan yang berlawanan dengan Hukum Syarak.

Peruntukan ini juga sebenarnya telah memberi ruang yang luas kepada para hakim untuk merujuk terus kepada Hukum Syarak sekiranya terdapat mana-mana peruntukan yang tidak mengatur apa-apa peruntukan dengan jelas. Keperluan kepada peruntukan sebegini adalah penting dalam Undang-Undang Islam memandangkan sering wujud khilaf *fugahā'* dalam masalah-masalah *fiqh*. Juga tabiat hukum Islam itu sendiri yang bersifat anjal menurut perubahan keadaan dan persekitaran semasa.

¹² Semasa penulis selesai menulis disertasi ini iaitu pada bulan Mei 2003, EKMS1991 masih lagi terpakai. Namun oleh kerana Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 1991 [En. No. 2/91] dimansuhkan sebelum penulis menyerahkan disertasi ini bagi tujuan peperiksaan, penulis terpaksa mengubah komentar terhadap EKMS1991 kepada EKMS2002. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2002 dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2003. EKMS2002 digubal bagi diselaraskan dengan EKJS (II) 1993 dan Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 Pindaan 1984.

¹³ Seksyen 2 dan Seksyen 130 (1) EKMS 2002.

¹⁴ Yakni menurut Mazhab Syafie atau mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali. Lihat Seksyen 3 EKMS 2002.

EKMS 2002 mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Mulia al-Sultan melalui pemberitahuan dalam warta.¹⁵

Secara umumnya enakmen ni telah dibahagikan kepada 3 bahagian utama serta dipecahkan pula kepada 10 bab yang mengandungi 131 seksyen. Tajuk kesaksian telah diletakkan di Bahagian III: Bab 2 berkenaan saksi bermula dari Seksyen 83 hingga Seksyen 88, Bab 3 berkenaan pemeriksaan saksi dan Bab 4 merupakan peruntukan khas berhubung dengan testimoni saksi.

2.1. Konsep Keterangan Dan Kesaksian Menurut EKMS 2002

Terdapat beberapa tafsiran istilah yang perlu difahami sebagaimana yang diperuntukkan **Seksyen 3 (1)**. Pemahaman terhadap istilah-istilah tersebut akan menjelaskan lagi kepada kita berkenaan kedudukan wanita melalui peruntukan Enakmen. Tiga istilah yang menjadi asas kepada topik kesaksian wanita iaitu keterangan, *bayyinah* dan syahadah.

2.1.1. Istilah pertama ialah pengertian bagi perkataan ‘*bayyinah*’:

“*bayyinah*” ertiannya keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *qarinah*;

Peruntukan ini telah meluaskan skop *bayyinah* sebagaimana yang ditafsirkan Ibn al-Qayyim iaitu tidak terhad kepada kesaksian semata. Ia menyatakan bahawa keterangan yang dapat membuktikan sesuatu hak tersebut termasuk *qarinah*.

¹⁵ Seksyen 1 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2002.

‘Keterangan’ di sini memberi maksud metodologi pembuktian yang bersifat umum. Peruntukan ini seolah-olah cuba lari daripada pendapat jumhur *fuqahā'* yang menafsirkan *bayyinah* sebagai *syahadah* apabila memasukan ayat ‘**dan termasuklah qarinah**’ di sini. Selaras dengan prinsip Enakmen yang tidak terikat dengan mana-mana mazhab, maka struktur ayat peruntukan ini perlu bebas daripada terikat dengan pendapat tertentu. Sebenarnya tafsiran ‘*bayyinah*’ sebelum ini sudah memadai bagi menerangkan bahawa ia merangkumi segala metodologi pembuktian dalam Undang-undang Keterangan Islam seperti ikrar, kesaksian (*syahadah*), keterangan lisan dan lain-lain tanpa perlu mengkhususkan ia termasuk *qarinah* semata.

2.1.2. Istilah “**keterangan**” itu sendiri diinterpretasi pula oleh peruntukan berikut:

“keterangan” termasuklah –

- (a) *bayyinah* dan *syahadah*;
- (b) segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubung dengan perkara-perkara fakta yang disiasat; pernyataan sedemikian disebut keterangan lisan;
- (c) segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah; dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.

Peruntukan ini agak mengelirukan kerana ia menghuraikan semula “**keterangan**” sebagai *bayyinah* dan *syahadah*. Sekiranya ia bermaksud muhu memperincikan erti “**keterangan**” maka memadai menyenaraikan *syahadah* sahaja tanpa menggandingkannya semula dengan perkataan *bayyinah*. Wasilah *qarinah* juga, sepatutnya berada di dalam peruntukan perincian ini bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan pengamal undang-undang.

Apa yang paling penting di dalam peruntukan di atas ialah ia telah memasukkan keterangan lisan sebagai salah satu mekanisme keterangan iaitu di bahagian (b). Keterangan lisan ini didefinisikan sebagai segala perkara berhubung kait dengan fakta yang disiasat yang dituntut dikemukakan ke mahkamah oleh saksi. Justeru ia memberi maksud saksi tidak semestinya melihat atau mendengar secara langsung fakta kes. Bahkan apa sahaja yang boleh memberi petunjuk terjadi atau wujudnya sesuatu fakta yang dipertikaikan; dengan syarat ia dibenarkan atau dikehendaki oleh mahkamah. Takrifan ini secara tidak langsung telah membezakan antara fungsi saksi dan individu yang memberikan keterangan. Di samping itu, peruntukan ini turut menyenaraikan keterangan dokumentar sebagai metodologi pembuktian yang relevan dengan tuntutan semasa.

2.1.3. Istilah seterusnya ialah “*syahādah*”:

“*syahādah*” ertiannya apa-apa keterangan yang diberikan di Mahkamah dengan menggunakan lafaz ‘*asyhadu*’ untuk membuktikan suatu hak atau kepentingan;

Pengertian “*syahādah*” cuba didefinisikan dengan cara berbeza dengan pengertian “*bayyinah*” namun ia masih merangkumi makna keterangan yang umum. Keterangan lisan yang biasa juga boleh menggunakan lafaz ‘*asyhadu*’. Sebagai contoh: A sememangnya melihat sendiri sebilah pisau berlumuran darah berada di tangan B. Pada masa yang sama mayat C berlumuran darah berada di samping B. Namun A tidak melihat sendiri adakah B yang melakukan pembunuhan. Dalam kes sebegini, A berhak menggunakan lafaz ‘*asyhadu*’ terhadap perkara yang dilihatnya.

Huraian peruntukan ini masih memberi ruang kepada apa-apa keterangan yang tidak disaksikan atau didengari sendiri oleh saksi yang lebih menjurus kepada keterangan biasa. Sepatutnya definisi *syahadah* ini dikemukakan dengan struktur ayat yang lebih tepat agar ia benar-benar dapat membezakan antara *syahadah* dan *keterangan lisan*. Ia juga tidak perlu rigid dengan menggunakan lafaz *asyhadu* sahaja. Apa-apa bahasa yang dapat memberi pengertian sebagai lafaz kesaksian wajar diperaktikkan di mahkamah. Contoh dalam Bahasa Malaysia; “*Aku bersaksi ...*” dan lain-lain. Ia lebih memudahkan masyarakat setempat dan mereka yang terlibat dalam prosiding kehakiman yang mungkin terdiri dari pelbagai bangsa.

Walaubagaimana pun, syarat-syarat berhubung dengan *syahadah* seperti yang termaktub dalam **Seksyen 83** hingga **Seksyen 88** mampu menjelaskan kekeliruan ini.

Berikutnya terdapat **4 subseksyen** yang memberikan ruang kepada individu yang tidak memenuhi kriteria saksi untuk memberikan keterangan. Sekaligus membezakan kriteria *syahadah* dan *keterangan lisan* secara tidak langsung.

Seksyen 83 (3) berbunyi;

Seseorang yang tidak ‘adil ialah kompeten untuk memberikan *bayyinah* tetapi tidak kompeten memberi *syahadah*.

Seksyen 83 (5) menyatakan;

Seseorang yang mempunyai ingatan yang lemah atau yang pelupa atau mengidap hilang ingatan adalah kompeten untuk memberikan *bayyinah* tetapi tidak kompeten untuk memberikan *syahadah*.

Seksyen 83 (6) menyebut;

Seseorang yang kebolehpercayaannya diragui kerana hubungan baiknya dengan dan mempunyai kepentingan dengan pihak menentang adalah kompeten untuk memberikan *bayyinah* tetapi tidak kompeten untuk memberikan *syahadah*.

Akhir sekali **Seksyen 83 (7)** memperuntukkan;

Seseorang yang kebolehpercayaannya diragui kerana hubungan buruknya dengan pihak menentang adalah kompeten untuk memberikan *bayyinah* tetapi tidak kompeten untuk memberikan *syahadah*.

Daripada peruntukan-peruntukan di atas, dapat kita rumuskan bahawa sesiapa yang tidak memenuhi syarat saksi masih boleh memberikan keterangannya di mahkamah tetapi bukan dalam bentuk *syahadah* yang mengikat hakim. Bahkan hanya sebagai keterangan lisan yang dikategorikan sebagai *bayyinah*.

Penulis tidak bermaksud mahu memanjangkan perbahasan mengenai struktur ayat Enakmen yang bersifat teknikal. Namun ia perlu diberi perhatian sewajarnya agar masyarakat mudah memahami dan beramal dengannya.¹⁶ Apa yang dapat dirumuskan ialah EKMS 2002 telah membezakan antara kesaksian dan keterangan lisan. Wujudnya perbezaan antara definisi dan penggunaan istilah-istilah tersebut telah memberikan kesan positif dan signifikan kepada hak-hak wanita untuk memberikan keterangan di mahkamah.

¹⁶ Sila lihat Hassan b. Abdul Rahman (2001), *op.cit.* Selaku hakim yang berpengalaman, beliau telah mengemukakan penulisan yang bermanfaat berhubung Pemakaian Prinsip-prinsip Undang-undang Keterangan Islam Dalam Statut-statut Keterangan Syariah Malaysia. Ia telah membuat perbandingan antara statut-statut keterangan Syariah yang ada di Malaysia serta mengkritik ketidak-selaras statut-statut keterangan yang boleh mengelirukan.

2.2. Peruntukan Kesaksian Wanita Menurut EKMS 2002

Pada asasnya, wanita diberikan hak yang sama rata dengan lelaki untuk memberikan kesaksian dan keterangannya tatkala **Seksyen 83(1)** memperuntukkan:

Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah (kompeten) memberikan *syahadah* atau *bayyinah* sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah '*aqil*, *baligh*, *adil*, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

Seksyen ini telah menyebut '*semua orang Islam*' yang merangkumi lelaki dan wanita: iaitu mereka layak memberikan kesaksian (*syahadah*) atau keterangan (*bayyinah*) selagi mereka mempunyai syarat-syarat berikut;

- a) Sempurna akal.
- b) Baligh
- c) Adil
- d) Mempunyai ingatan yang baik
- e) Tidak berprasangka.

Peruntukan ini hakikatnya bertepatan dengan landasan syariat dalam isu kesaksian ini yang mana ianya telah dijelas serta dibahaskan oleh penulis di dalam Bab III, Fasal Satu sebelum ini. Pada asalnya, tiada pertikaian di kalangan *fuqahā'* untuk menghadkan jantina saksi secara umumnya. Perselisihan hanya timbul tatkala membicarakan syarat-syarat khusus penyampaian yang mana ia melibatkan bilangan dan jantina saksi menurut kes kesaksian. Secara zahirnya juga, peruntukan di atas telah membezakan antara *syahādah* dan *bayyinah* yang mana kes kesaksian wanita adalah terhad, sedangkan keterangan wanita boleh diambil secara lebih meluas kerana ia tidak mengikat hakim bagi membuat keputusan.

Subseksyen-subseksyen seterusnya di bawah **Seksyen 83** menghuraikan sifat adil bagi saksi, kesaksian bukan Islam, kesaksian kanak-kanak serta berkenaan *dābiṭ* dan wujud tohmah di antara saksi dan pihak yang terlibat dengan pertikaian.

Melalui **Seksyen 86** dapat kita perhatikan peruntukan khusus berkenaan jantina serta bilangan saksi sebagaimana Hukum Syarak. Seksyen 86. (1) berbunyi;

Dakwaan oleh seseorang yang dikenali sebagai kaya bahawa dia telah menjadi papa tidaklah mencukupi untuk membuktikan dakwaannya kecuali jika ia disokong oleh keterangan tiga orang saksi lelaki.”

Huraian- Dalam pemungutan zakat, pengakuan seorang kaya bahawa dia telah menjadi papa tidaklah menjadi bukti yang mencukupi melainkan jika ia disokong oleh keterangan tiga orang saksi lelaki.

2. **Seksyen 86. (2)** menyatakan;

Dalam hal melihat anak bulan, keterangan seorang lelaki yang ‘adil adalah mencukupi untuk membuktikan fakta itu.

Pada pendapat penulis, wanita harus diberi peluang yang sama rata untuk memberikan keterangan berkenaan melihat anak bulan kerana ia lebih bersifat perkhabaran dan bukannya kesaksian. Apatah lagi ia tidak melibatkan dua pihak yang bertikai akan hak-hak masing-masing. Sebaliknya ia adalah mengenai urusan amalan yang dituntut agama sebagaimana wanita meriwayatkan hadis-hadis berkenaan amal ibadat. Justeru penulis tidak menitikberatkan topik ini melalui perbahasan dalam Bab III sebelum ini. Sebagaimana perkhabaran mereka dalam meriwayatkan hadis diterima, maka haruslah diterima keterangan mereka yang memenuhi syarat seperti adil dan *dābiṭ* berhubung melihat hilal.

3. **Seksyen 86. (3)** mengkhususkan kesaksian seorang lelaki dalam kes-kes tertentu;

Keterangan seorang lelaki hendaklah menjadi bukti yang mencukupi dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) keterangan seorang guru dalam hal yang melibatkan murid sekolah;
- (b) keterangan pakar dalam menilai barang rosak;
- (c) keterangan mengenai penerimaan dan penolakan saksi;
- (d) pemberitahuan mengenai pemecatan wakil;
- (e) keterangan tentang kecacatan dalam mana barang bagi jualan.

Jika dibandingkan dengan perbahasan *fuqahā'*, sebahagian peruntukan seksyen seperti kategori (b) ini lebih akrab kepada topik keterangan pakar (*Ra'y al-Khabir*) dan bukannya kesaksian sebagaimana yang disyaratkan oleh Hukum Syarak. Seksyen 33 EKMS 2002 telah memperuntukkan secara khusus berkenaan keterangan pakar yang mana ia tidak terhad kepada kaum lelaki sahaja. Bahkan pakar wanita dalam sesuatu bidang juga boleh diambil keterangannya sebagaimana keterangan pakar lelaki apabila cukup syarat-syarat asasnya.

Manakala seksyen seterusnya telah menerima pakai kesaksian seorang wanita dalam kes yang biasanya dilihat oleh mereka. **Seksyen 86. (4)** menyebut;

Keterangan seorang perempuan adalah mencukupi untuk membuktikan apa-apa fakta yang biasanya dilihat oleh atau dalam pengetahuan seorang perempuan.

MISALAN

Keterangan seorang perempuan yang menyusukan seorang bayi atau keterangan seorang bidan dalam perkara haidh, kelahiran dan penyusuan.

Seksyen ini selari dengan pendapat *rājiḥ* sebagaimana yang telah dibahaskan oleh penulis di dalam bab sebelum ini.

Seksyen 86. (5) menyatakan;

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan.

Seksyen ini memberi maksud bilangan minimum bagi saksi yang diterima di dalam mana-mana kes yang tidak diperincikan selain hudud, qisas dan takzir.¹⁷ Ini disebabkan oleh kes hudud, qisas dan takzir telah mempunyai enakmennya sendiri iaitu Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993. Justeru apa yang dapat difahami daripada sebutan *Di dalam perkara-perkara lain dari yang disebut di atas* ialah kes *ahwāl syakhsiyah* dan kes mal. Merujuk kepada kes *ahwāl syakhsiyah*, seksyen ini agak bertentangan dengan pendapat *rājiḥ* yang hanya menerima kesaksian dua orang saksi lelaki adil dalam kes tersebut. Walaupun demikian, penulis berpendapat ia terserah kepada para hakim bagi meneliti kepentingan dan keperluan sesuatu kes berkait dengan *ahwāl syakhsiyah*.

Terdapat kemungkinan atau keperluan bersifat *darūri'* untuk menerima kesaksian wanita. Sebagai contoh; Lafaz talak yang dilakukan oleh suami yang jahil tanpa mengadakan dua orang saksi lelaki. Dalam andaian kes seperti ini, sekiranya hakim tidak memisahkan suami isteri tersebut; mungkin akan berlaku perzinaan antara keduanya.

Kaedah *fiqh* menetapkan bahawa menjauhi kerrosakan lebih baik daripada melaksana-kan kebaikan apabila dua maslahah tersebut bertembung. Lebih-lebih lagi penerimaan kesaksian wanita dalam bidang *ahwāl syakhsiyah* masih diperselisihkan secara meluas oleh para *fuqahā'*. Justeru pendapat *rājiḥ* dalam kes ini tidak bersifat *qaṭ'i* (hukum mutlak).

¹⁷ Penerangan daripada Prof. Salleh Buang dalam Kursus Pemahaman Enakmen-enakmen 2002 pada 21 & 22 Oktober 2003 bertempat di Dewan Peperiksaan, Balai Islam, Lundang. Lihat juga Nota Ringkas yang disediakan oleh beliau bertajuk "Enakmen Keterangan Kelantan 2002", h. 11.

Seksyen 88 pula merupakan hal kesaksian bersama sumpah plaintif yang mana ia menyatakan;

Jika dalam kes *mal*, plaintif hanya mengemukakan seorang saksi, keterangan saksi itu hanya boleh diterima jika keterangannya diberikan berserta sumpah plaintif itu.

Perkataan *seorang saksi* memberi maksud umum bagi saksi lelaki atau wanita iaitu dalam kes mal tetapi dengan syarat hendaklah disertakan bersama sumpah plaintif. Seksyen ini juga agak mengelirukan kerana bertentangan dengan pendapat yang kuat. Setidak-tidaknya ia harus menyebut *keterangan seorang saksi lelaki atau keterangan dua orang saksi wanita* agar bertepatan dengan konsep kesaksian wanita dalam kes mal.

Rumusan

Walaupun masih terdapat kekurangan dan kurang perincian di dalam peruntukan-peruntukan di atas, namun kelemahan tersebut telah diatasi oleh dasar yang ditetapkan **Seksyen 130 (1)** ;

Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang tak konsisten dengan Hukum Syarak adalah tidak sah setakat yang ia tak konsisten itu.

Seksyen 130 (2) pula menegaskan;

Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Enakmen ini, Mahkamah hendaklah memakai Hukum Syarak.

Seksyen 130 (1) telah menerangkan mana-mana peruntukan atau tafsiran yang berlawanan dengan Hukum Syarak terbatal secara automatik setakat yang ia berlawanan sahaja.

Seksyen 130 (2) pula memberi garis panduan penggunaan Enakmen apabila didapati peraturan yang tidak diperincikan. Oleh sebab itu, segala kekeliruan yang mungkin timbul dari kelemahan teknikal peruntukan-peruntukan Enakmen hendaklah dirujuk secara langsung kepada Hukum Syarak. Manakala Seksyen 3 (1) telah menerangkan maksud bagi Hukum Syarak iaitu Hukum Syarak mengikut mana-mana mazhab yang empat. Penjelasan kepada seksyen tersebut telah penulis kemukakan sebelum ini.

Enakmen ini juga telah meletakkan wanita di tahap dan kedudukan yang sewajarnya tatkala ia menjadikan Hukum Syarak sebagai rujukan utama: yakni mengkhususkan kesaksian mereka pada bidang-bidang tertentu yang sesuai dengan fitrah emosi, mental dan biologi mereka. Sebagaimana yang penulis pernah bahaskan di dalam Bab II dan Bab III, prinsip syariat Islam ialah membahagikan tanggungjawab kepada setiap individu selari dengan fitrah kejadiannya dan sesuai dengan tahap keupayaan masing-masing. Justeru tidak timbul masalah diskriminasi *gender* atau mengurangi hak-hak tertentu antara jantina. Keadilan ialah meletakkan sesuatu sesuai pada tempatnya.

2.3. Perlaksanaan Kesaksian Wanita Di Mahkamah Syariah Kota Bharu

Mahkamah Syariah adalah terikat dengan EKMS 2002 dalam mengatur prosedur keterangan bagi prosiding kehakimannya. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, EKMS 2002 benar-benar menurut Hukum Syarak dalam pendiriannya terhadap kesaksian wanita.

Justeru tidak berbangkit masalah wanita tidak dipanggil atau tidak boleh hadir sebagai saksi ke mahkamah dalam kes-kes yang telah disepakati. Namun demikian, fenomena semasa membuktikan bahawa wanita sememangnya jarang terlibat sebagai saksi yang menyaksikan sendiri kes yang berlaku sama ada jenis kes sivil, lebih-lebih lagi kes jenayah. Sekaligus menjelaki realiti teori *fugahā*¹⁸ dan praktis kehidupan wanita dari dulu lagi.

Kes dilaporkan paling banyak berlaku di kawasan Kota Bharu.¹⁹ Sehingga Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gua Musang²⁰ telah ditempatkan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu bagi membantu menangani kes-kes yang banyak. Bagi kawasan Gua Musang yang kekerapan kesnya adalah kurang, Tuan Hakim telah memperuntukkan sehari dalam seminggu iaitu setiap hari Khamis untuk berada di Mahkamah Rendah Syariah Gua Musang. Fakta ini menunjukkan bahawa adalah memadai penulis menjalani kajian berkenaan amalan kesaksian wanita bagi kawasan Kota Bharu seterusnya membuat rumusan daripadanya.

Sehingga kajian ini dibuat, penulis dimaklumkan oleh pihak Mahkamah Syariah bahawa Mahkamah belum pernah memanggil wanita untuk memberikan kesaksian mereka walaupun dalam kes mal.²⁰

¹⁸ Maklumat daripada Penolong Pegawai Tadbir Mahkamah Tinggi Syariah, Ahmad b. Ag. Deraman. September 2002.

¹⁹ Iaitu Tuan Hakim Zaini b. Sulaiman.

²⁰ Temubual dengan Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu; Encik Norhasney Ridhwan b. Hassan, Pembantu Pendaftar Mal; Encik Azmi b. Yahya dan Pembantu Pendaftar Jenayah; Encik Ghazali Syafie b. Yusoff , Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu pada akhir September 2002.

ia disebabkan mereka jarang terlibat dalam masalah atau kes-kes yang dikemukakan ke Mahkamah. Mahkamah Syariah juga benar-benar mengamalkan prinsip kesaksian menurut syariat. Justeru itu, sebagai mengambil pendapat yang paling kuat dan disepakati majoriti *fujahā'*: Mahkamah Syariah tidak mengambil saksi wanita dalam kes jenayah dan *ahwāl syakhsiyah*. Manakala dalam kes mal, walaupun ia menerima pakai konsep 2 nisbah 1 iaitu dua saksi wanita bersamaan satu saksi lelaki, namun secara praktikalnya wanita juga tidak pernah dipanggil untuk memberikan kesaksian mereka. Ini adalah kerana Mahkamah Syariah mendahuluikan kesaksian lelaki selagimana kadar bilangan mereka mencukupi iaitu dua orang saksi lelaki. Walaubagaimana pun wanita pernah dipanggil untuk memberikan keterangan seperti dalam kes tuntutan harta. Itupun tidak banyak berlaku.

Sekalipun penulis tidak berpeluang melihat serta meneliti elemen kesaksian wanita di Mahkamah, penulis masih sempat meneliti satu fail Mahkamah Syariah berkenaan kes tuntutan harta sepencarian melibatkan keterangan wanita (bukannya kesaksian) iaitu kes mal.

Mat Ariffin bin Deraman & Fauzi bin Deraman } Yang menuntut
Rohani Abdullah & Rofeah Abdullah } Yang kena tuntut

Dalam kes di atas, pendakwa telah membawa dua orang wanita untuk memberikan keterangannya bagi menyabit hak-hak beliau.

Saksi pertama merupakan rakan beliau sendiri dikenali sebagai Che Sofiah bt Isa. Saksi kedua, Saudah bt Harun merupakan ibu saudara pendakwa. Melihat kepada hubungan dua orang saksi wanita tersebut dengan pendakwa; penulis mendapati keterangan yang diberikan tidak dapat dianggap sebagai kesaksian yang mengikat. Ini adalah kerana terdapatnya unsur-unsur yang mencacatkan kesaksian menurut perspektif Islam seperti berikut;

- a) Hubungan sebagai kawan dan ibu saudara boleh menimbulkan tohmah.
- b) Keperibadian saksi yang tidak dapat dipastikan tahap keadilan mereka berdasarkan tiada laporan berkenaan hal tersebut.
- c) Tidak terdapat saksi lelaki adil yang disertakan bersama dua orang saksi wanita tersebut sekalipun jika kedua-duanya tiada hubungan dengan pihak *mudda'i* serta adil kerana ini adalah kes mal.

Justeru apa yang dikemukakan oleh kedua wanita tersebut hanya boleh dianggap sebagai keterangan yang tidak mengikat hakim. Terserahlah kepada hakim untuk menilai maklumat tersebut bagi membuat keputusannya.

Rumusan

Mahkamah Syariah Kota Bharu benar-benar menurut kehendak Hukum Syarak sepenuhnya dalam amalan kesaksian wanita: iaitu mengambil pendapat-pendapat yang kuat.²¹ Mahkamah juga mendahuluikan kesaksian lelaki dalam apa juar kes.

²¹ Dalam temubual penulis dengan salah seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu, Tuan Hakim Zaini Sulaiman pada akhir September 2002; Beliau telah menyatakan teori yang menyatakan bahawa kesaksian wanita adalah relevan untuk semua keadaan adalah bercanggah dengan praktikal. Ini berdasarkan pengalaman beliau sendiri yang pernah mengambil pendapat yang lebih ringan dalam penulisannya bertajuk ‘Perlantikan Wanita Sebagai Hakim Syar’ie Menurut Perspektif Ulama Silam dan Semasa (2001)’. Penulisan ini merupakan Kertas Projek Diploma Undang-Undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam di Kuliyyah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Menurut beliau lagi, setelah menceburkan diri secara langsung dalam bidang Kehakiman Islam; beliau mendapati bahawa kelayakan wanita sebagai saksi memang wajar dihadkan menurut bidang yang sesuai bagi mereka serta tidak disamakan dengan kesaksian lelaki secara mutlak.

Walaubagaimanapun, pihak Mahkamah tidak mengenepikan peranan wanita dalam memberikan keterangan bersesuaian dengan Seksyen 3 (1) EKMS 2002 yang menghuraikan erti “*bayyinah*”: yakni keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah qarinah. Maksudnya tidak hanya terhad kepada kesaksian semata. Ia juga selaras dengan peruntukan Seksyen 83(1) EKMS 2002 sebagaimana yang telah dihuraikan sebelum ini iaitu semua orang adalah kompeten untuk memberikan keterangannya selagi ia mencukupi syarat.

B. Peruntukan Kesaksian Wanita Dalam Akta Keterangan Sivil Dan Amalannya di Mahkamah Sivil.

3. Profil Mahkamah Sivil Kota Bharu

Perkara 121 (1) Perlombagaan Persekutuan telah memberikan kuasa kehakiman sepenuhnya kepada Mahkamah Tinggi dan mana-mana mahkamah bawahan sebagaimana yang diperuntukan oleh undang-undang Persekutuan.²² Kehakiman (*Judiciary*) merupakan kuasa cabang ketiga dalam struktur kerajaan yang benar-benar terpisah dari kuasa Parlimen atau Perundangan (*Legislature*) dan juga kuasa Pemerintah (*Executive*).²³ Undang-undang Persekutuan dan undang-undang negeri bagi semua negeri-negeri Persekutuan ditadbir oleh kehakiman Persekutuan.²⁴

²² Perlombagaan Persekutuan (Mengandungi pindaan sehingga 10 Januari 2002)

²³ Tun Salleh Abbas (1989), *Kebebasan Kehakiman – Singa di bawah takhta diperang*, T.T.P: Penerbitan Pena Sdn. Bhd, h. xi-xii. Ahmad Ibrahim et.al (1999), op.cit., h. 140, 142-143. Tun Mohamed Suffian (1988), *An Introduction To The Legal System Of Malaysia*, Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd, h. 50.

²⁴ Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned (1992), *Sistem Undang-undang di Malaysia*, (Edisi II), Kuala Lumpur: DBP, h. 170.

Justeru ia dikuatkuaskan di bawah satu kumpulan Mahkamah Persekutuan. Namun begitu terdapat peruntukan yang menyenaraikan perkara yang diserahkan kepada negeri-negeri semata-mata untuk membuat undang-undang sebagaimana yang termaktub dalam Senarai Negeri.²⁵ Implikasinya mahkamah negeri akan memutuskan mengikut kehendak negeri bagi menguatkuaskan undang-undang negeri, bukan lagi menurut kehendak Persekutuan. Kehakiman Mahkamah Sivil turut dihadkan kuasanya untuk tidak mencampuri Kehakiman Syariah. Perlembagaan Persekutuan 121 (1A) memperuntukkan ;

Mahkamah-mahkamah yang disebutkan dalam fasil (1) tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah.

Peruntukan ini adalah bagi mengelakkan pertindanan kuasa serta menjaga kehormatan dan kewibawaan Mahkamah Syariah.

Memandangkan Negeri Kelantan juga tertakluk kepada Kerajaan Persekutuan, segala perjalanan dan pentadbiran serta prosedur mahkamah adalah mengikut Perlembagaan Persekutuan serta akta-akta yang di bawah bidangkuasanya. Justeru segala bentuk dan struktur Mahkamah Sivil Kelantan adalah mengikut acuan Mahkamah Sivil Persekutuan.

Mahkamah Sivil di Kota Bharu dibahagikan kepada 4 mahkamah iaitu Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah. Mahkamah Rendah pula terdiri daripada Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Setiap mahkamah mempunyai autoritinya sendiri yang dijamin oleh undang-undang.

²⁵ *Ibid.*, h. 172.

Pembahagian bidang kuasa mahkamah-mahkamah ini adalah menurut berat sesuatu kes, kepentingan serta jumlah wang yang terlibat dengan kes.

Lokasi Mahkamah Sivil Kota Bharu terletak di pusat bandar Kota Bharu. Mahkamah tersebut mempunyai seorang Ketua Hakim, dua orang hakim Mahkamah Sesyen yang mana setiap seorang mewakili Mahkamah Sesyen 1 dan Mahkamah Sesyen 2 serta 2 orang majistret.

3.1. Bidang Kuasa Mahkamah Sivil²⁶

Mahkamah Rayuan²⁷

Mahkamah Rayuan bertindak sebagai mahkamah perantara antara Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan. Seksyen 50 dan 67 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 masing-masing memperuntukkan perkara jenayah dan sivil di bawah bidang kuasa Mahkamah Rayuan. Ini memberikan para *litigan* lebih hak untuk merayu.²⁸ Mahkamah Rayuan mempunyai bidang kuasa rayuan jenayah dan rayuan sivil sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 50 dan 67 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91).

²⁶ Bagi penjelasan yang lebih terperinci berhubung bidang kuasa Mahkamah Sivil sila lihat Faiza Haji Tamby Chik (2001), *Mengenal Mahkamah Malaysia*, Kuala Lumpur: DBP. Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91) dan Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92).

²⁷ Ahmad Ibrahim *et.al* (1999), *op.cit.*, h. 151-152.

²⁸ Faiza Haji Tamby Chik (2001), *op.cit.*, h. 7.

Mahkamah Tinggi

Menurut seksyen 23 (1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91), tertakluk kepada had-had yang terkandung dalam Perkara 128 Perlembagaan, Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan segala prosiding sivil dimana-:

- a) kausa tindakannya berbangkit; atau
- b) defendant atau salah seorang daripada beberapa orang defendant bermastautin atau ada tempat urusannya; atau
- c) fakta-fakta atas mana prosiding itu diasaskan wujud atau dikatakan telah berlaku; atau
- d) sesuatu tanah yang keempunyaannya dipertikaikan terletak, dalam bidang kuasa tempatan Mahkamah itu dan, walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen ini, dalam mana-mana hal semua pihak bersetuju secara bertulis dalam bidang kuasa tempatan Mahkamah Tinggi yang satu lagi itu.

Bidang kuasa spesifik Mahkamah Tinggi dalam kes-kes sivil antaranya ialah;²⁹

- a) bidang kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perceraian dan kausa hal ehwal suami isteri.
- b) bidang kuasa untuk melantik dan mengawal penjaga budak-budak dan pada amnya atas diri dan harta budak-budak.

Manakala bidang kuasa jenayah Mahkamah Tinggi pula terdapat dalam Seksyen 22 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.³⁰ Kesemua kes yang melibatkan hukuman bunuh atau hukuman mati akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi. Kes tersebut ialah seperti kes pengedaran dadah di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, kes bunuh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan Kesalahan di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.³¹

²⁹ Seksyen 24 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

³⁰ Lihat Seksyen 22 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 untuk perincian bidangkuasa. Ahmad Ibrahim *et.al* (1999), *op.cit.*, h. 155.

³¹ *Ibid.*, h. 156.

Mahkamah Sesyen

Mahkamah Sesyen merupakan Mahkamah Rendah yang tertinggi. Mahkamah Sesyen mempunyai bidang kuasa dalam kes jenayah dan sivil.³² Ia bermaksud dalam sesuatu persidangan Mahkamah Sesyen, kedua-dua kuasa melibatkan perkara sivil dan jenayah boleh didengar, diputuskan dan diuruskan, atau salah satu daripadanya.³³

Bidang kuasa sivil Mahkamah Sesyen diperuntukkan oleh Seksyen 65 Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92) antaranya menyebut;

- b) bidang kuasa tidak terhad untuk membicarakan semua tindakan dan guaman dari jenis sivil berkenaan dengan kemalangan kenderaan motor, tuan rumah dan penyewa dan distres; dan
- c) bidang kuasa untuk membicarakan semua tindakan dan guaman lain dari jenis sivil yang mana amaun dalam pertikaian atau nilai-nilai perkara tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit.

Bidangkuasa jenayah Mahkamah Sesyen ialah boleh membicarakan semua kesalahan melainkan kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman mati. Mahkamah Sesyen boleh menjatuhkan apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang melainkan hukuman mati.³⁴

³² *Ibid.*, h. 157.

³³ Seksyen 62 Akta Mahkamah Rendah 1948.

³⁴ *Ibid.*, Seksyen 63 dan 64.

Mahkamah Majistret³⁵

Mahkamah Majistret juga mempunyai bidangkuasa untuk mengendalikan kes-kes jenayah dan sivil. Ia bererti dalam mana-mana persidangan Mahkamah Majistret, kedua-dua kausa-kausa dan perkara-perkara sivil dan jenayah boleh didengar, diputuskan dan diuruskan, atau salah satu daripadanya atau yang satu lagi itu.³⁶

Bidang kuasa jenayah Mahkamah Majistret terkandung di bawah peruntukan Seksyen 85 Akta Mahkamah Rendah 1948;

Tertakluk pada batasan-batasan yang terkandung dalam Akta ini, seorang Majistret Klas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa membicarakan segala kesalahan-kesalahan yang tempoh penjara maksimum yang diperuntukkan oleh undang-undang tidak lebih sepuluh tahun penjara atau yang boleh dihukum dengan denda sahaja dan kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 392 dan 457 Kanun Kesiksaan.

Manakala bidang kuasa jenayah seorang Majistret Kelas Dua hendaklah hanya membicarakan kesalahan-kesalahan yang tempoh maksimum penjara yang diperuntukkan oleh undang-undang tidak melebihi 12 bulan atau yang boleh dihukum dengan denda sahaja: Dengan syarat bahawa jika seorang Majistret Kelas Dua berpendapat bahawa dalam hal keadaan kes itu, jika berkesudahan dengan suatu sabitan, kuasa menghukum yang dimilikinya itu tidak mencukupi, dia hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menangguhkan kes itu untuk dibicarakan oleh seorang Majistret Kelas Pertama.³⁷

Menurut Seksyen 90 Akta yang sama, bidangkuasa sivil Majistret Kelas Pertama;

³⁵ Ahmad Ibrahim *et.al* (1999), *op.cit.*, h. 160-161. Faiza Haji Tamby Chik (2001), *op.cit.*, h. 22-25.

³⁶ Seksyen 84 Akta Mahkamah Rendah 1948.

³⁷ Seksyen 88 Akta Mahkamah Rendah 1948.

Tertakluk kepada batasan-batasan yang terkandung dalam Akta ini, seorang Majistret Klas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan segala tindakan guaman dari jenis sivil di mana amaun dalam pertikaian atau nilai hal-perkara itu tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit.

Manakala seorang Majistret Kelas Dua hendaklah hanya mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan tindakan guaman asal jenis sivil jika plaintif bertujuan menuntut hutang atau mendapatkan tuntutan jumlah wang tertentu yang kena dibayar oleh defendant, dengan atau tanpa faedah yang tidak melebihi tiga ribu ringgit.³⁸ Seksyen 87 dan Seksyen 89 pula merupakan batasan kadar hukuman dalam kompeten Majistret Kelas Pertama dan Majistret Kelas Kedua.

4. Profil Akta Keterangan, 1950 (Akta 56)

Akta Keterangan 1950 merupakan suatu akta tunggal yang menggariskan proses atau undang-undang keterangan bagi Kehakiman Sivil. Ia dijadikan rujukan asas serta digunakan di semua Mahkamah-mahkamah Sivil di seluruh Malaysia. Akta ini telah dikanunkan dalam tahun 1950 sebagai Ordinan No. 11 Tahun 1950 dan disiarkan sebagai undang-undang Malaysia Akta 1956 dalam tahun 1971.³⁹

Seksyen 2 Akta Keterangan 1950 menjelaskan bahawa akta ini hendaklah dipakai bagi segala prosiding kehakiman di dalam atau di hadapan mana-mana mahkamah, tetapi tidak dipakai bagi afidavit yang diserahkan kepada mana-mana mahkamah atau pegawai dan juga tidak dipakai bagi prosiding di hadapan seseorang penimbangtara.

³⁸ Seksyen 92 Akta Mahkamah Rendah 1948.

³⁹ Akta Keterangan, 1950 (Akta 56) (Mengandungi semua pindaan hingga 20hb Jun 1999). h. 1.

Secara umumnya, akta ini dibahagikan kepada 3 bahagian utama yang mengandungi 11 Bab dan 167 seksyen. Antara perkara yang disentuh oleh akta tersebut ialah berkenaan Kerelevenan Fakta-fakta, Pengakuan dan Pengakuan Salah, Pembuktian melalui Keterangan Lisan dan Keterangan Dokumen, Beban Bukti, Saksi serta Pemeriksaan Saksi.

4.1. Pengenalan Kesaksian Menurut Undang-undang Keterangan Civil

Keterangan (*evidence*) bermaksud setiap sesuatu yang bertujuan membuktikan tentang wujud atau tidak wujud sesuatu fakta. Maksud keterangan adalah lebih umum daripada kesaksian. Ia mungkin terdiri daripada testimoni iaitu keterangan bersumpah oleh seseorang saksi di mahkamah, keterangan dokumentari, keterangan benda dan sekiranya boleh diterima keterangan dengar cakap.⁴⁰ Manakala erti saksi (*witness*) pula ialah seseorang yang memberikan keterangan mengenai sesuatu maklumat berkaitan dengan sesuatu fakta.⁴¹

Keterangan tersebut hendaklah berdasarkan fakta yang ditanggapi sendiri oleh saksi dengan pancaindera sama ada dengan penglihatan, pendengaran, deria-deria lain atau apa-apa cara lain dan pendapat-pendapat yang berasas.⁴²

⁴⁰ Kamus Undang-Undang (2001), c. 3, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, h. 211. L B Curzon, Barrister (1993), *Dictionary of Law*, Edisi III, Kuala Lumpur: International Law Book Services, h. 167. Lihat juga perincian jenis-jenis keterangan dalam Roger Bird (1993), *Osborn's Concise Law Dictionary*, Edisi VII, New Delhi: Universal Book Trader, h. 137-138. Seksyen 3 Akta Keterangan 1950.

⁴¹ Ibid., h. 347. Kamus Undang-Undang (2001), h. 608-609.

⁴² Ibid., h. 390-391. Seksyen 60 (1) Akta Keterangan 1950.

Maksud fakta di sini tidak semestinya kejadian atau peristiwa yang dipertikaikan secara langsung. Bahkan apa-apa sahaja perkara berkaitan yang dapat memberi petunjuk berlakunya sesuatu kejadian, juga dipanggil kesaksian. Sebagai contoh: Satu kes pembunuhan telah berlaku di sebuah rumah pada 2 Februari 2002. Seorang jiran telah memberikan keterangan bahawa pada tarikh tersebut, dia telah melihat fulan bin fulan telah datang ke rumah tersebut tetapi dia tidak melihat sendiri fulan bin fulan telah melakukan pembunuhan tersebut.

Keterangan saksi biasanya adalah secara lisan yang diberikan di mahkamah terbuka, tetapi dalam keadaan tertentu keterangan boleh diberi dalam afidavit.⁴³ Di mahkamah, saksi dikehendaki memberi keterangan bersumpah atau berikrar bahawa sesuatu keterangan yang diberi adalah benar.

Berdasarkan kepada konsep kesaksian di atas, fakta yang dibuktikan oleh saksi tidak dijuruskan kepada hak-hak atau bagi kepentingan tertentu. Justeru menurut perundangan sivil, pengakuan oleh mangsa perbuatan jenayah juga dianggap sebagai kesaksian. Bahkan menduduki darjah kesaksian utama dalam sesuatu kes.

4.1.1. Kelayakan Saksi

Secara umumnya semua orang adalah kompeten memberikan keterangan selagi mereka dapat memahami (mental berkeadaan baik) dan rasional kecuali jika ia didapati sebaliknya.⁴⁴

⁴³ *Kamus Undang-Undang* (2001), h.609.

⁴⁴ *Ibid.* Roger Bird (1993), *op.cit.* Seksyen 118 Akta Keterangan 1950.

Contohnya kanak-kanak yang terlalu muda untuk memahami makna sumpah, adalah saksi yang tidak kompeten. Atau jika hakim mendapati seseorang tidak layak dari segi mentalnya untuk memberikan keterangan. Seksyen 118, Akta Keterangan 1950 menyatakan:

Semua orang adalah kompeten memberi keterangan melainkan jika mahkamah berpendapat bahawa mereka tidak boleh memahami soalan-soalan yang dikemukakan kepada mereka atau tidak dapat memberi jawapan-jawapan yang rasional kepada soalan-soalan itu oleh kerana umurnya terlalu muda, terlalu tua, kerana penyakit, sama ada penyakit tubuh atau penyakit otak, atau oleh apa-apa sebab lain yang seumpamanya.

Apa yang dapat difahami daripada seksyen ini ialah kelayakan saksi didasarkan kepada kapasiti pemahaman dan kestabilan diri untuk memberikan jawapan-jawapan yang rasional. Tiada ikatan aqidah tertentu atau kemantapan peribadi yang berasaskan keimanan menjadi landasan kelayakan saksi. Justeru kesaksian orang kafir juga diterima secara meluas menurut peruntukan sivil.

Selain daripada itu, tiada peruntukan lain yang memperincikan mengenai pentingnya membataskan penilaian terhadap tahap '*adālah*' saksi sebelum seseorang itu dipanggil memberikan kesaksiannya. Justeru itu, mahkamah tidak perlu menyelidiki keperibadian saksi sebelum mereka mengemukakan kesaksian mereka di mahkamah. Kebolehpercayaan saksi boleh dicabar di dalam mahkamah apabila terdapat elemen yang meragukan pada peribadi saksi ketika memberikan keterangannya.

Seksyen 155 Akta Keterangan 1950 membolehkan saksi-saksi dipersoalkan kewibawaan dan kebenaran kata-katanya oleh pihak lawan atau, dengan izin mahkamah oleh pihak yang memanggilnya.

Manakala keterangan daripada saksi tertentu boleh dianggap sebagai tidak boleh dipercayai serta memerlukan sokongan.⁴⁵

Saksi juga dibenarkan memperingati semula fakta-fakta dengan merujuk catatannya sendiri atau catatan orang lain atau dokumen atau sekiranya saksi merupakan seorang pakar, boleh merujuk kepada buku-buku treatis profesional.⁴⁶ Kenyataan ini menunjukkan bahawa seseorang saksi tidak semestinya mempunyai asas *dābit*, bahkan diberi kelonggaran untuk merujuk kepada sebarang unsur yang dapat membantunya mengingati semula fakta yang berkaitan.

4.2. Peruntukan Kesaksian Wanita Menurut Akta Keterangan 1950

Secara umumnya tiada peruntukan khusus berkenaan kesaksian wanita di dalam Akta Keterangan 1950. Ini menunjukkan bahawa sistem Kehakiman Sivil memandang lelaki dan wanita adalah sama dalam menerima tanggungjawab sebagai saksi. Hal ini dapat diperhatikan melalui seksyen 118 berkenaan saksi yang telah menyebut perkataan '*Semua orang*' yang mana ia menunjukkan bahawa saksi yang dimaksudkan merangkumi lelaki dan wanita. Selain daripada seksyen ini, tiada lagi seksyen yang membicarakan secara khusus bagi kesaksian wanita.

Seksyen ini turut mengisyaratkan bahawa semua orang memikul beban tanggungjawab sebagai saksi selagimana mereka terlibat dengan sesuatu kes sama ada mereka lelaki atau perempuan, dewasa atau kanak-kanak.

⁴⁵ Kamus Undang-Undang (2001), h. 609.

⁴⁶ Seksyen 159 Akta Keterangan 1950.

Apa yang penting ialah mereka mempunyai dua elemen berikut; -

- a) Boleh memahami soalan yang dikemukakan.
- b) Dapat memberikan jawapan secara rasional.

Menyentuh kes-kes kesaksian, peruntukan seksyen 118 ini juga adalah umum bagi kesemua jenis kes seperti jenayah dan sivil. Tiada pengecualian bagi kesaksian wanita dalam bidang-bidang tertentu sebagaimana yang digariskan oleh Indang-undang Keterangan Islam. Justeru, kesaksian wanita yang tidak semestinya '*adil*' dan *dābiṭ* diterima mencakupi semua kes-kes yang dipertikaikan di Mahkamah Sivil. Bahkan wanita boleh disaman serta ditahan oleh pihak polis sekiranya tidak mahu hadir ke mahkamah setelah sapina dikeluarkan.

Dari sudut bilangan saksi, seksyen terakhir daripada Bab IX iaitu seksyen 134 menyebut;

Tiada apa-apa bilangan tertentu mengenai saksi dikehendaki dalam sesuatu kes untuk membuktikan sesuatu fakta.

Apa yang dapat difahami daripada seksyen ini ialah had minimum bilangan saksi yang diterima sama ada lelaki atau wanita ialah seorang dalam semua kes. Manakala tiada had maksimum untuk membuktikan sesuatu fakta. Mahkamah berhak sepenuhnya menentukan berapa orang saksi yang perlu hadir bagi menyabitkan mana-mana kes.

4.3. Amalan Kesaksian Wanita Di Mahkamah Sivil Kota Bharu

Mahkamah Sivil adalah terikat dengan Akta Keterangan 1950 bagi mendapatkan keterangan serta bukti-bukti kes. Justeru itu, dari segi amalan kesaksian wanita, ia benar-benar melaksanakannya menurut prinsip yang dikanunkan di dalam Akta Keterangan 1950. Kesaksian wanita dipakai dalam semua kes jenayah dan sivil. Mereka akan disapinakan selagi mana ia berkait dengan kes serta wajib menghadirkan diri ke mahkamah untuk memberi keterangan. Sekiranya mereka enggan hadir, saksi boleh disaman serta ditahan oleh pihak polis. Namun begitu realiti perlaksanaan menunjukkan bahawa wanita sememangnya jarang terlibat dalam semua kes-kes berat seperti jenayah bunuh, rompak dan mencuri atau kes-kes yang lebih ringan seperti muamalat atau mal dan lain-lain kecuali kes rogol. Itupun disebabkan Kehakiman Sivil menganggap mangsa sebagai saksi utama kes. Sudah tentu ia hanya melibatkan kaum wanita sahaja.

Oleh kerana kesaksian atau keterangan wanita jarang berlaku di Mahkamah Sivil sekalipun penerimaannya adalah sama rata dengan kesaksian lelaki, maka kes-kes yang dapat diperhatikan oleh penulis tidaklah banyak. Sementelah lagi, belum tentu kes yang telah ditetapkan tarikh perbicaraannya akan berlangsung sebagaimana yang ditentukan kerana sebab-sebab yang mendatang. Penulis turut berhadapan dengan permasalahan ini tatkala menghadiri perbicaraan yang melibatkan wanita sebagai saksi, perbicaraan ditangguhkan oleh hakim ke suatu tempoh yang kadangkala dekat dan adakalanya melangkau ke suatu tempoh yang mana penulis tidak dapat menunggu lebih lama atas kepentingan menyiapkan penulisan Bab Empat ini.

Justeru penulis hanya berjaya menghadiri dua kes rogol dan satu kes sivil yang mana keterangan wanita telah diambil. Berikut adalah laporan kes-kes yang telah dihadiri dan diperhatikan oleh penulis bagi mengenal pasti elemen-elemen yang wujud pada keterangan atau kesaksian wanita;

Kes Pertama

P.P /wn Ahmad Zaki Mohd Nor⁴⁷

Kes ini telah dibicarakan pada 13 Oktober 2002. Keterangan pakar sakit puan, seorang pegawai perubatan lelaki telah memeriksa seluruh tubuh mangsa rogol serta mencatat hasil pemeriksaan. Keterangan diberikan berdasarkan catatan yang pernah dibuat. Kes ini dilaporkan berlaku pada 6 April 1997. Pemeriksaan pakar dibuat pada 8 April 1997. Beliau dapat mengecam mangsa setelah kawat cam dibuat.

Mangsa sebagai saksi utama kes turut memberikan keterangan berdasarkan soalan-soalan yang dikemukakan oleh hakim dan pendakwaraya. Suara beliau semasa memberikan keterangan agak perlahan serta tidak dapat didengari oleh orang awam yang berada di bahagian belakang dewan Mahkamah Sesyen 1. Berbeza dengan keterangan pakar lelaki yang dapat didengari dengan jelas. Penulis berpendapat mangsa berada dalam situasi malu dan kurang keyakinan diri memandangkan ia melibatkan maruah dirinya sendiri.

⁴⁷ Rujukan fail mahkamah: Seksyen 376 [SKB(A)61-1-2002]

Dalam kes ini penulis mendapati seorang anggota polis wanita yang akan diambil keterangan telah merujuk kepada mangsa di luar mahkamah untuk memastikan fakta yang perlu disebutkan iaitu berkaitan dengan tempat kejadian berlaku. Penampilan anggota polis tersebut juga tidak menzahirkan ciri-ciri adil yang dikehendaki oleh syariat Islam kerana beliau tidak memakai tudung yang merupakan kewajipan bagi setiap muslimah.

Sementara itu, penulis yang berpeluang menemubual secara tidak rasmi dengan ibu mangsa mendapati beliau beremosi sambil menangis tatkala menceritakan jenayah yang pernah berlaku pada anaknya. Beliau tidak melihat sendiri kes berlaku tetapi hanya mengetahuinya daripada suami beliau yang juga merupakan bapa mangsa. Beliau telah memihak kepada anaknya dalam kes ini sebelum keputusan dijatuhkan oleh mahkamah.

Kes ini telah diputuskan pada 14 Oktober 2002 yang mana orang kena tuduh (OKT) atau defendant dilepaskan dari tuduhan merogol. Walaubagaimana pun, pihak plaintiff telah membuat rayuan yang mana sehingga tulisan ini dibuat, ia masih belum diputuskan lagi.

Kes Kedua

Che Isham Sharudin Bin Che Hamat Nordin & Che Hamat Nordin Bin Che Pa

Iwn Mohd Shabudin Bin Mohd Nor⁴⁸

⁴⁸ Rujukan fail mahkamah: 52-548-2001

Kes ini telah dibicarakan pada 16 Oktober 2002. Ia merupakan kes sivil yang mana defendant sebagai seorang guru telah menampar muridnya sehingga pengsan. Keterangan bapa mangsa, ibu mangsa dan mangsa sendiri yang berusia 12 tahun pada masa itu telah diambil. Keterangan seorang kerani perempuan yang menghantar murid tersebut pulang ke rumah juga telah diambil.

Hanya seorang saksi yang melihat sendiri kejadian tersebut iaitu seorang kanak-kanak berusia 12 tahun. Beliau merupakan rakan sekelas mangsa semasa kejadian berlaku iaitu ketika masing-masing berusia 11 tahun.

Dalam kes ini, penulis telah mendapati keterangan ibu mangsa bercanggah sedikit dengan keterangan bapa mangsa. Fakta kes yang diberikan juga berubah setelah ditanya dua kali oleh hakim. Beliau kelihatan agak gemuruh dan banyak berpaling kepada suaminya bagi mendapatkan sokongan moral ketika sedang memberikan keterangan.

Jika dibandingkan dengan keadaan anak lelakinya (iaitu mangsa) yang masih berusia 12 tahun, anaknya jauh lebih baik dan mantap syakhsiyahnya ketika memberikan keterangan iaitu berkeyakinan, bersikap matang serta jelas kata-katanya. Bersesuaian dengan peribadinya yang menjawat jawatan sebagai Ketua Pelajar disekolahnya. Sementara rakan sekelas beliau yang menjadi saksi bagi pihak beliau kelihatan kurang matang jika dibandingkan dengan mangsa. Namun masih jelas ketika memberikan keterangannya. Terdapat sedikit perbezaan antara keterangan mangsa dan saksi.

Kes Ketiga

P.P /wn Mohd Ibni Bin Yamin⁴⁹

Kes dibicarakan pada 29 Oktober 2002. Seperti biasa dalam kes rogol, keterangan pakar akan di ambil. Dalam kes ini, keterangan seorang pegawai perubatan wanita telah diambil. Beliau memeriksa mangsa pada 14 Disember 2001. Kes dilaporkan berlaku pada 12 Disember 2001. Keterangan diberikan berdasarkan catatan. Kawat cam dibuat namun beliau tidak dapat mengecam mangsa kerana semasa rawatan dibuat, mangsa tidak memakai tudung. Sedangkan mangsa memakai tudung ketika hadir perbicaraan. Secara zahirnya, pegawai perubatan ini masih belum menutup auratnya dengan lengkap sekalipun bertudung. Kecuaian dalam menutup aurat bagi muslimah boleh mencacatkan ‘adalah pada dirinya.

Seterusnya, mangsa memberikan keterangannya. Mangsa berusia 14 tahun ketika berlaku kejadian. Menurut perundangan sivil, mangsa berusia di bawah 16 tahun semasa berlaku pencabulan akan dianggap kes rogol sama ada mereka melakukan dengan rela atau tidak rela.

Ibu mangsa turut dipanggil sebagai saksi. Melalui perbualan penulis dengan ibu mangsa, sama seperti kes sebelum ini, ibu mangsa memihak kepada anaknya sebelum perbicaraan selesai dan keputusan dijatuhan oleh hakim.

Kes ini masih belum selesai semasa tulisan ini dibuat. Perbicaraan ditangguhkan pada 3 April 2003. Justeru keputusan masih belum diketahui.

⁴⁹ Rujukan fail mahkamah: Seksyen 376 K.K {62-58-01}

Kajian Kes Berdasarkan Fail Mahkamah

Penulis juga telah mengambil inisiatif meneliti beberapa fail kes yang mengandungi keterangan wanita bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas berkenaan amalan kesaksian wanita di Mahkamah Sivil Kota Bharu.

Kes 1.

Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952
Perbicaraan Jenayah No. 45-3-2001

Kes ini mengandungi analisa dadah oleh ahli kimia wanita iaitu Puan Zainun Bt Muhammad yang mengesahkan dadah jenis Cannabis.

Kes 2.

No.SKB(A)61-1-2000
RASUAH-BPR Kota Bharu Aduan No: 011/2000

P.P *Iwn Sha'ari Bin Che Hamid*

Saksi pendakwa iaitu Seraniah Bt Daud telah memberikan keterangannya. Saksi merupakan kakak angkat Halim Bin Mohammad yang didakwa memberi rasuah kepada Sha'ari Bin Che Hamid. Keterangan beliau hanya berkaitan dengan hubungannya dengan Halim dan bukannya kerana beliau melihat sendiri perbuatan rasuah tersebut.

SEK.11 (a) APR 1997

Keputusan: OKT telah dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri.

Kes 3.

No.SKB (A)62-1-96
Pertuduhan: SEK.376 K.K

P.P /wn Ibrahim bin Omar.

Saksi pendakwa pertama merupakan seorang pegawai polis wanita iaitu L/Kop. Maznah bt Zakaria RF 106529. Beliau memberikan keterangan tentang aduan /Batu Melintang repot 83/95.

Saksi pendakwa ketiga juga merupakan seorang wanita iaitu Hajjah Dr. Naimah Bt Jaafar. Beliau merupakan Pegawai Perubatan Tingkat Kanan telah memberikan keterangan hasil ‘ujian potensi’ terhadap OKT tetapi yang melakukan ujian adalah pembantu lelaki. Bukan beliau sendiri yang melakukan ujian tersebut.

Saksi pendakwa keenam ialah mangsa sendiri. Peristiwa berlaku ketika mangsa berusia 12 tahun 10 bulan. Semasa perbicaraan kes, mangsa berusia 15 tahun.

Saksi pendakwa ke sembilan pula ialah adik perempuan mangsa yang berusia 10 tahun semasa peristiwa berlaku. Saksi berusia 13 tahun ketika memberikan keterangan. Dalam kes ini, saksi telah dibawa bersama dengan mangsa oleh perogol iaitu dengan membunceng motosikal ke suatu tempat di ladang kelapa sawit. Perogol adalah seorang jiran yang dikenali serta merupakan kawan rapat bapa mangsa. Peristiwa berlaku pada waktu malam namun saksi masih dapat melihat keadaan yang berlaku dengan bantuan lampu kereta yang melalui jalan di mana jenayah dilakukan.

Saksi melaporkan bahawa beliau hanya dapat lihat dua pasang kaki yang terjulur dari sebalik busut di tepi jalan tanpa memahami dan menanggapi kes jenayah dengan jelas. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh usianya yang masih muda serta tiada pengetahuan mengenai perlakuan seks.

Saksi pendakwa ke sepuluh merupakan pegawai polis wanita K/Insp Roziana Bt Ahmad yang hanya memberikan keterangan berkenaan dengan siasatannya.

Kes ini telah diputuskan pada 12 Januari 1998 yang mana OKT didapati bersalah dengan hukuman 8 tahun penjara dan 4 kali sebatan.

Kes 4:

SKB (A) 61-1-95
Seksyen 409 K.K

P.P *Iwn* Mahmood Bin Zakaria

Kes ini merupakan kes pecah amanah yang mana OKT semasa menjalankan tugasnya sebagai guru besar di sebuah sekolah rendah telah didakwa mengambil yuran pelajar untuk kegunaan sendiri. Dalam kes ini keterangan dua orang wanita telah di ambil. Wanita tersebut merupakan guru yang mengutip yuran daripada pelajar darjah satu. Keterangan yang diberikan lebih berbentuk qarinah yang dapat memberi petunjuk bagaimana kes pecah amanah ini berlaku. Ini bererti saksi tidak melihat sendiri OKT telah mengambil serta menggunakan wang tersebut. Kes ini telah diputuskan yang mana OKT telah didapati bersalah melakukan pecah amanah.

4.4. Rumusan Berdasarkan Kes-Kes Di Atas

Daripada paparan kes-kes di atas, dapat dilihat tiada satu pun keterangan wanita yang menepati konsep kesaksian menurut perspektif Islam walaupun di dalam kes sivil. Keterangan mereka diambil hanya sebagai qarinah dan alibi kes. Keterangan wanita banyak diambil khusus dalam kes rogol kerana ia melibatkan mangsa, ibu mangsa serta pegawai polis wanita yang mengambil aduan. Antara elemen yang ketara boleh dipertikaikan wujud ialah:

- 1) Mereka tidak melihat sendiri peristiwa yang berlaku. Usahakan wanita, lelaki sendiri tidak ada yang melihat sendiri kes-kes tersebut di atas. Yang ada hanya kesaksian seorang kanak-kanak dalam kes sivil.
- 2) Pengakuan mangsa tidak dianggap sebagai kesaksian kerana mangsa menyebut hak-haknya yang telah dicerobohi. Sedangkan saksi mestilah terdiri dari pihak ketiga yang melihat sendiri peristiwa yang berlaku serta mampu menyebut semula fakta tanpa ada kepentingan untuk mangsa atau OKT.
- 3) Keterangan daripada individu yang mempunyai hubungan rapat dengan mangsa sememangnya mengandungi tohmahan. Ia jelas dapat dilihat melalui fakta yang telah dijelaskan di atas. Dalam keadaan mereka tidak melihat sendiri bagaimana peristiwa rogol berlaku, ibu-ibu telah memihak kepada anak sendiri sebelum keputusan dijatuhkan oleh mahkamah. Sedangkan seorang saksi yang adil perlu memberikan kesaksian berdasarkan fakta tanpa memihak sama ada kepada plaintiff atau defendant. Kuasa menjatuhkan hukuman hanya berada dalam kuasa hakim.

- 4) Penampilan wanita yang memberikan keterangan dengan tidak menutup aurat sebagaimana tuntutan Syarak telah menjelaskan keperibadian mereka yang boleh dianggap kurang *thiqah* atau adil. Ini adalah kerana hukum menutup aurat di kalangan wanita Islam adalah wajib. Sesiapa yang meninggalkan perintah wajib dan melakukan perkara haram merupakan salah satu ciri yang mencacatkan ‘*adālah* saksi. Masalah penutupan aurat adalah perkara yang paling mudah kelihatan bagi menilai keperibadian seseorang wanita.
- 5) Kelemahan wanita dari sudut *dābit* juga amat ketara sekali. Melalui keterangan pegawai perubatan wanita yang tidak dapat mengecam mangsa, polis wanita yang merujuk kepada mangsa di luar mahkamah mengenai fakta kes sebelum memberikan keterangannya di dalam mahkamah, keterangan ibu yang anaknya ditampar berubah setelah ditanya dua kali dan kebanyakan keterangan dibuat berdasarkan catatan.
- 6) Reaksi dan keadaan wanita semasa memberikan keterangan juga kurang meyakinkan berbanding dengan keadaan lelaki yang memberikan keterangan. Ada yang kelihatan gugup serta memerlukan sokongan moral daripada orang lain. Kaum lelaki pula kelihatan lebih berkeyakinan serta berdikari.
- 7) Wanita sebagai pakar dalam sesuatu bidang, keterangannya tidak dianggap sebagai kesaksian. Bahkan boleh dikategorikan sebagai keterangan pakar yang mana wanita turut diterima sebagaimana keterangan pakar lelaki. Keterangan pakar diklasifikasikan oleh para *fuqahā'* sebagai *qarīnah* dan bukananya kesaksian. Ada pun dalam kes rogol, keterangan doktor wanita yang memeriksa kesan kecacatan yang mungkin timbul akibat perbuatan rogol boleh juga dikategorikan sebagai kesaksian wanita terhadap keaiban wanita yang diterima umum.

Walaubagaimana pun ia hanya dapat menyabitkan berkenaan ‘*uyūb al-nisā*’ dan bukannya perbuatan rogol itu sendiri. Apa yang penting, mereka yang terlibat secara langsung sebagai pakar analisis kes-kes jenayah atau kes lainnya perlu berketrampilan sebagaimana yang dikehendaki Islam sepenuhnya agar keterangan mereka tidak menimbulkan syak wasangka. Seterusnya merumitkan lagi proses perbicaraan.

Daripada kes-kes di atas juga, adakalanya keterangan wanita berjaya memberikan petunjuk yang kuat kepada kes yang berlaku sama ada kes jenayah atau kes sivil sekalipun tidak dapat dipastikan tahap ‘*adālah* mereka. Kebiasaannya, apabila sampai ke tahap ini, penjenayah yang sudah ketandusan idea untuk melepaskan diri akan mengaku kesalahan mereka. Oleh sebab itu kesalahan OKT dapat disabitkan serta hukuman dapat diputuskan oleh hakim berdasarkan keterangan wanita itu tadi.⁵⁰ Dalam kes seperti ini, dapat kita lihat bahawa keterangan wanita bukanlah sebagai penentu mutlak kepada keputusan hakim tetapi pengakuan daripada OKTlah yang menguatkan lagi hujjah-hujjah mereka.

5. Konklusi Umum

Secara asasnya, konsep kesaksian wanita di Mahkamah Sivil hanya mempunyai persamaan dengan konsep *al-Bayyinah* di dalam Undang-undang Keterangan Islam. Manakala konsep *syahādah* wanita adalah semuanya tidak sama.

⁵⁰ Temubual penulis dengan bekas hakim Mahkamah Sesyen 1 Kota Bharu, Tuan Hakim Hassan Bin Abdul Rahman sekitar bulan Mei 2002. Beliau menyatakan bahawa nas daripada ayat 6, Surah al-Hujurāt memberi petunjuk untuk mendapatkan keterangan wanita bagi membantu proses perbicaraan. Baki lagi, hakim perlu meneliti fakta yang diberikan. Sekiranya ia didapati benar serta diyakini maka ia boleh mengikat para hakim untuk menjatuhkan hukuman.

Walaubagaimana pun penekanan kepada saksi untuk bercakap benar dan kelayakan saksi tetap diutamakan walaupun tidaklah 100% menyerupai konsep kesaksian dalam Islam.

Sebagai contoh: Mahkamah Sivil juga menghendaki kebenaran dalam setiap keterangan dan kesaksian namun tiada satu garis panduan yang dapat menjadi sempadan kepada peribadi saksi sehingga setiap perkataannya diyakini kebenarannya. Asas memahami dan rasional terhadap sesuatu isu yang dibangkitkan masih belum dapat menghuraikan dengan jelas kelayakan serta kebenaran seseorang saksi. Tidak dapat tidak, prinsip kesaksian yang dikemukakan oleh Islam jauh lebih baik dan sempurna serta dapat menjadi kesaksian yang mengikat hakim. Oleh sebab itulah, kedudukan saksi yang benar seolah-olah hakim itu sendiri sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam Fasal I, Bab III sebelum ini.

Islam amat teliti dalam menilai keperibadian seseorang sebelum mereka dipertanggungjawabkan sebagai saksi. Bukan itu sahaja, bahkan prinsip sebegini dititik beratkan dalam semua tanggungjawab yang akan diamanahkan kepada seseorang seperti perlantikan menjadi nabi dan rasul, menjadi pemimpin kepada ummah, memilih pasangan hidup dan lain-lain. Ketelitian dalam memastikan syakhsiyah seseorang akan menjamin kejujuran dalam perlakuan, amanah, ketenangan dan memuaskan hati semua pihak. Bak kata pepatah Melayu, '*Sediakan payung sebelum hujan*'. Maksudnya hendaklah dipastikan persediaan yang cukup serta sesuai sebelum melakukan sesuatu perkara, agar kelak kita tidak menyesal dengan natijahnya.

Justeru ummah tidak perlu bimbang bahawa penjenayah akan selama-lamanya terlepas berikutan susahnya mendapatkan saksi yang adil.

Undang-undang keterangan sivil juga tiada hubungan dengan aqidah ketuhanan serta tidak mempunyai ruh ‘*ubūdiyyah* kepada Pencipta manusia. Konsep sebegini menjadi lumrah kepada mana-mana undang-undang ciptaan manusia yang mahu memisahkan amalan kehidupannya dari berhubung dengan Maha Pencipta. Tanpa ikatan keimanan dan ketaqwaan, seseorang saksi akan sanggup melakukan pembohongan serta memutarbelitkan fakta bagi menjaga kepentingan pihak-pihak tertentu. Apatah lagi sekiranya saksi diugut serta diancam oleh penjenayah atau individu terbabit.

Daripada peraturan-peraturan yang digariskan serta dilaksanakan, Akta Keterangan 1950 turut memperlihatkan bahawa faktor-faktor fitrah kejadian manusia tidak mendasari undang-undang yang digubal. Fitrah kejadian wanita dan lelaki yang amat ketara berbeza sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab Dua tidak diambil kira bagi menentukan hak-hak mereka. Walaupun pada zahirnya kesaksamaan hak dan keadilan antara *gender* yang ditekankan namun konsep kesaksamaan hak dan keadilan menurut fikiran manusia seringkali mengecewakan dan tidak berpijak di bumi nyata.

Berdasarkan kepercayaan dan keyakinan terhadap syariat Allah S.W.T, sekali lagi penulis ingin menegaskan bahawa konsep dan prinsip kesaksian secara amnya dan secara khususnya berhubung kesaksian wanita menurut Undang-undang Keterangan Islam adalah paling sempurna serta benar-benar dapat menjamin keadilan dalam prosiding kehakiman.